

# **Kaedah Dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam**

Dato' Seri Haji Hassan b. Haji Ahmad

## **1. Definisi**

- 1.1 Gadaian atau al-Rahn dari segi Syarak ialah menjadikan sesuatu barang atau harta yang bernilai sebagai sandaran atau cagaran hutang yang boleh dibayar dengannya ketika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan.<sup>1</sup>
- 1.2 Tujuan dari gadaian ialah untuk meyakinkan tuan punya hutang bahawa haknya tidak akan hilang sekiranya orang yang berhutang tidak menjelaskan hutangnya, kerana barang yang digadaikannya itu akan dijual dan harganya diambil sekadar jumlah yang dia berhak dari baki hutang tersebut dan baki harga barang itu (jika ada) akan dikembalikan kepada tuan empunya barang.

## **2. Hukum Dan Dalil**

Gadaian diharuskan seperti jual beli kerana tiap-tiap sesuatu yang harus dijual harus digadaikannya kecuali beberapa perkara yang akan diterangkan nanti.

Pengharusan gadaian adalah berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ulama:-

(a) Al-Quran

Firman Allah yang bermaksud:

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ ۗ ۝٢٨٣﴾

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedangkan kamu tidak mendapati juru tulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)”

(al-Baqarah: 283)

Para ulama sepakat berpendapat bahawa gadaian adalah tidak wajib kerana berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud :

﴿ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ، وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ ۗ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ رِءُوسٌ قَلْبُهُ ۗ ۝٢٨٤﴾

﴿ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ۝٢٨٥﴾

“Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

(al-Baqarah: 283)

(b) Al-Sunnah

Di antaranya hadis yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Nabi SAW telah menggadai baju besinya kepada seorang Yahudi yang dipanggil dengan Abu al-Syahmi sebagai cagaran harga tiga puluh gantang syair yang baginda beli daripadanya untuk keluarganya”*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

C) Ijmak Ulama

Para ulama telah sepakat mengharuskan gadaian jika ia memenuhi syarat-syaratnya.<sup>2</sup>

### **3. Rukun-rukun Gadaian**

- 3.1 Sighah iaitu Penawaran dan Penerima (Ijab/Qabul).
- 3.2 Orang yang menggadai/penggadai iaitu orang yang berhutang.
- 3.3 Pemegang gadaian/penerima gadaian iaitu tuan punya hutang.
- 3.4 Barang gadaian.
- 3.5 Tanggungan/sebab gadaian iaitu punya hutang.<sup>3</sup>

### **4. Syarat-syarat Sah Gadaian/Al-Rahn**

4.1 Syarat Ijab Dan Qabul

Gadaian bermula dengan ijab dan qabul dari kedua belah pihak (orang yang berhutang dan tuan punya hutang) dalam bentuk perkataan seperti kata penggadai “Saya gadaikan barang ini kepada engkau sebagai cagaran hutang saya kepada engkau sebanyak

RM1,000”, dan kata pemegang gadaian: “Saya terima” atau dalam bentuk tulisan bagi mereka yang boleh bercakap. Bagi mereka yang bisu bolehlah berijab dan qabul dalam bentuk tulisan atau isyarat yang memberi faham, akan tetapi kuat kuasa gadaian tidak berjalan selagi pemegang gadaian belum menerima barang gadaian dengan keizinan penggadai.

Syarat-syarat ijab dan qabul (pada gadaian) adalah sama dengan syarat-syarat kedua-duanya pada jual beli di antaranya:

- 4.1.1 Tidak diselangi di antara ijab dan qabul oleh perkataan yang tidak kena mengena dengan gadaian atau diam yang lama iaitu lebih dari diam sekadar bernafas.
- 4.1.2 Tidak ada sebarang *ta’liq* (digantung) gadaian ke atas sesuatu kecuali perkataan (jika engkau kehendaki) dan perkara yang dikehendaki oleh akad, maka tidak sah gadaian jika penggadai berkata : “Jika bapa saya mati maka barang ini saya gadaikan kepada engkau sebagai cagaran hutang saya kepada engkau sebanyak RM1,000.”
- 4.1.3 Tidak ditetapkan masa gadaian.
- 4.1.4 Tidak disyaratkan di dalam akad gadaian sesuatu yang memudaratkan penggadai seperti disyaratkan manfaat gadaian bagi pemegang gadaian atau yang memudaratkan pemegang gadaian seperti disyaratkan jangan dijual barang gadaian apabila sampai masanya.
- 4.1.5 Di antara ijab dan qabul mestilah sama dari segi kandungan, maka tidak sah gadaian jika disebut di dalam ijab dua barang/benda tetapi disebut di dalam qabul hanya satu sahaja.<sup>4</sup>

## 4.2 Syarat-syarat Penggadai Dan Pemegang Gadaian

4.2.1 Penggadai dan pemegang gadaian hendaklah kedua-duanya cukup umur, berakal, tidak ditahan dari mengendalikan hartanya dengan sebab membazir dan tidak dipaksa pada pendapat ulama mazhab Syafie. Oleh sebab itu tidak sah gadaian kanak-kanak atau orang gila atau orang yang dipaksa atau orang yang membazir. Manakala penjaga harta mereka yang ditahan dari mengendalikannya tidak harus menggadaikannya kecuali dalam dua keadaan :

Pertama: Wujud keadaan yang mendesakkan penjaga itu menggadaikannya, seperti orang yang ditahankan mengendalikan hartanya itu perlu kepada makanan atau pakaian atau pelajaran atau sebagainya sedangkan penjaga hartanya tidak ada jalan untuk memberi perbelanjaannya kecuali dengan menggadaikan hartanya.

Kedua : Bahawa menggadaikan harta orang yang ditahan daripada mengendalikannya itu boleh memberi faedah kepada hartanya, seperti didapati, suatu benda yang mana jika dibelinya boleh memberikan keuntungan, sedangkan penjaga hartanya tidak dapat membelinya kecuali dengan berhutang dan menggadai harta tersebut.<sup>5</sup>

## 4.3 Syarat-syarat Barang Gadaian

Barang gadaian hendaklah terdiri dari bahan yang boleh dijual kecuali manfaat, syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

4.3.1 Barang gadaian hendaklah berada di bawah jagaan atau penguasaan (wilayah) penggadai dan barang gadaian itu adalah miliknya atau milik orang yang ditahan dari mengendalikannya sedangkan penggadai sebagai penjaga atau penerima wasiatnya (Wali atau Wasi) atau barang gadaian itu merupakan barang yang dipinjam oleh penggadai dari seorang untuk digadaikannya sebagai cagaran hutangnya jika ia memenuhi tiga syarat berikut :

Pertama : Orang yang meminjam hendaklah memberitahu kepada tuan punya barang pinjaman tentang jenis, kadar dan sifat hutangnya, seperti katanya : “Hutangnya yang ia hendak gadaikan barang pinjaman itu sebagai cagarannya adalah sebanyak RM200”.

Kedua : Dimaklumkan kepada tuan punya barang pinjaman mengenai masa bayaran hutang.

Ketiga : Dimaklumkan kepada tuan punya barang pinjaman mengenai pemegang gadaian.

4.3.2 Barang gadaian hendaklah berupa benda bukan manfaat. Oleh sebab itu tidak sah gadai hutang yang telah sedia ada walaupun kepada orang yang memberi hutang, kerana ia bukan benda dan tidak dapat diserahkan apa yang ada pada tanggungannya kepada pemegang gadai. Begitu juga tidak sah gadai manfaat sesuatu benda sahaja seperti menggadai kediaman rumah selama setahun kerana ia bukan benda dan ia semakin lenyap maka tidak berhasil ia sebagai cagaran hutang.

- 4.3.3 Barang gadaian tidaklah terdiri dari benda yang cepat rosak sedangkan masa bayaran hutang diberi tangguh kepada masa yang mana barang gadaian mengalami kerosakan sebelum sampai masa bayaran hutang, sama ada disyarat tidak menjualkannya atau tidak mensyarat apa-apa, tetapi jika disyarat menjualkannya sebelum ia mengalami kerosakan atau ia tidak rosak sehingga kepada masa bayaran hutang maka gadaianya adalah sah.
- 4.3.4 Barang gadaian hendaklah suci atau kena najis yang boleh dibersihkan, maka tidak sah gadaian benda yang najis seperti arak kerana ia najis, begitu juga tidak sah menggadai benda yang kena najis yang tidak boleh dibersihkan seperti minyak cair yang terkena najis.
- 4.3.5 Barang gadaian hendaklah barang yang boleh dimanfaatkannya pada pandangan syarak, walaupun pada masa hadapan.
- 4.3.6 Barang gadaian hendaklah dapat diserahkan kepada pemegang gadaian, maka tidak sah menggadai kereta yang telah dicuri, kerana penggadai tidak mampu menyerahkannya kepada pemegang gadaian.
- 4.3.7 Barang gadaian hendaklah terdiri dari harta yang bernilai, maka tidak sah gadai dua butir beras.
- 4.3.8 Barang gadaian hendaklah jelas kedudukannya bagi penggadai dan pemegang gadaian dari segi jenis, kadar dan sifatnya.<sup>6</sup>

#### 4.4 Syarat-syarat Sebab Gadaian

- 4.4.1 Sebab gadaian hendaklah ia terdiri dari hutang, maka tidak sah menggadai sesuatu barang dengan sebab yang bukan hutang, seperti sebab barang yang dirampas atau dipinjam dan sebagainya. Oleh sebab itu tidak sah seseorang menggadai rumahnya dengan sebab dia menjual tanahnya yang dirampas, begitu juga jika dia memberi pinjam keretanya kepada orang lain maka tidak sah ia (orang lain) menggadai tanahnya kerana pinjaman kereta tersebut, kerana ia bukan hutang.
- 4.4.2 Hendaklah hutang itu sabit atau ada, maka tidak sah menggadai umpama tanah sebelum sabit atau ada hutang seperti A menggadai tanahnya kepada B sebagai cagaran hutang sebanyak RM10,000 yang akan diberikan kepadanya oleh B. Adapun jika A membeli tanah B dengan harga bertangguh dan ia menggadai rumahnya kepada B sebagai cagaran harga tanah tersebut maka ia adalah seperti kata B kepada A: “Saya jual tanah ini kepada engkau dengan harga sebanyak RM20,000 secara bertangguh dan saya terima rumah engkau sebagai cagaran harga tanah tersebut”, lalu B berkata: “Saya beli dan gadai”.
- 4.4.3 Hutang itu hendaklah tetap (*lazim*) pada masa itu atau akan jadi tetap. Oleh sebab itu sah gadai dengan sebab harga dalam masa *khiyar* (pihak di antara meneruskan jual dan membatalkannya). Contohnya A menjual rumahnya kepada B dengan syarat *khiyar* dan B terima rumah tersebut, sedangkan A belum terima harganya. Dalam hal ini A harus

memegang gadaian sebagai cagaran harga rumah itu, kerana harganya walaupun ia belum lagi dianggap sebagai hutang yang tetap atau lazim pada masa itu tetapi ia akan jadi tetap.

- 4.4.4 Hutang itu hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak di segi benda (*'ain*), kadar dan sifat. Oleh sebab itu gadaian tidak sah jika sekiranya pemegang gadaian dan penggadai atau salah seorang daripada keduanya tidak mengetahui kadar hutang atau sifatnya.<sup>7</sup>

## **5. Penyerahan Dan Penerimaan Barang Gadaian**

Kuat kuasa gadaian hanya berjalan selepas pemegang gadaian menerima barang gadaian setelah mendapat keizinan penggadai.

### **5.1 Cara Penyerahan Dan Penerimaan Gadaian**

- (a) Jika barang gadaian itu tidak boleh dialih seperti rumah, tanah dan sebagainya, hendaklah penggadai membenarkan pemegang gadaian menguasai barang gadaian. Ini berasaskan kesepakatan para ulama.
- (b) Jika ia boleh dialih atau digerak hendaklah digerak atau ditarik kepada pemegang gadaian mengikut pendapat kebanyakan ulama.<sup>8</sup>
- (c) Jika barang gadaian hak bersama di antara penggadai dan rakan kongsinya hendaklah diterima kesemua barang tersebut.<sup>9</sup>

## 5.2 Syarat-syarat Terima Barang Gadaian

- (a) Hendaklah penerimaan barang gadaian itu dengan keizinan penggadai, dan apabila barang gadaian sudah diterima oleh pemegang gadaian maka penggadai tidak boleh menarik balik gadaian.
- (b) Hendaklah pemegang gadaian dan penggadai mempunyai keahlian (kelayakan) melakukan akad pada masa penyerahan dan penerimaan, dengan bahawa kedua-duanya berakal, cukup umur dan tidak ditahan dari mengendalikan hartanya dengan sebab membazir atau bankrap (muflis).<sup>10</sup>
- (c) Ulama mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali mensyaratkan berkekalan penerimaan untuk sah penerimaan. Oleh sebab itu jika pemegang gadaian menerima barang gadaian kemudian dia dengan sukarelanya memulangkannya kepada penggadai atau memberi kepadanya secara pinjam atau simpan/wadi'ah atau sewa maka gadaian itu dikira batal oleh ulama mazhab Maliki dan Hanafi dan hilang kuat kuasa gadaian tetapi akadnya terus kekal tanpa berlaku padanya penerimaan gadaian mengikut pendapat mazhab Hanbali. Oleh sebab itu kuat kuasa gadaian kembali semula jika sekiranya penggadai itu memulang semula barang gadaian tersebut kepada pemegang gadaian mengikut pendapat mazhab Hanbali.

Manakala ulama mazhab Syafie tidak mensyaratkan berkekalan penerimaan untuk sah penerimaan bagi barang yang boleh dimanfaatkan serta kekalnya. Mereka berpendapat

bahawa penerimaan barang gadaian tidak menghalang diberi pinjam barang gadaian kepada penggadai dengan izin pemegang gadai dengan menggunakannya untuk kenderaan atau tempat kediaman dan barang gadaian tersebut tetap kekal sebagai cagaran hutang, kerana berpegang kepada hadis al-Bukhari yang bermaksud: *“Belakang binatang ditanggung dengan dibiayai perbelanjaannya apabila ia digadaikan”* dan kerana gadaian adalah seperti hibah dari segi kedua-duanya merupakan akad yang hanya disyaratkan penerimaan pada permulaannya dan tidak berkekalan.<sup>11</sup>

## **6. Lebihan Barang Gadaian**

- (a) Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa kesemua lebihan yang terjadi dari barang gadaian, sama ada ia berhubung dengan barang gadaian seperti bulu, atau bercerai darinya seperti anak-adalah termasuk di dalam gadaian, dan jika lebihan itu tidak terjadi dari barang gadaian seperti upahan dan hasil tanah tidaklah ia termasuk di dalam gadaian dan menjadi hak penggadai.<sup>12</sup>
- (b) Ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa termasuk di dalam gadaian kesemua lebihan yang terjadi dari barang gadaian dan berhubung dengannya, seperti gemuk dan cantik atau berpisah daripadanya dan berbentuk rupanya, seperti anak binatang dan anak-anak pokok yang terjadi daripadanya.

Adapun segala lebihan yang terjadi daripada barang gadaian dan berpisah daripadanya serta tidak berbentuk rupanya, seperti buahan dan susu,

begitu juga segala lebihan yang tidak terjadi daripada barang gadaian, seperti sewa rumah dan hasilan tanah, tidaklah termasuk di dalam gadaian.<sup>13</sup>

- (c) Ulama mazhab Syafie berpendapat bahawa termasuk di dalam gadaian segala lebihan yang berhubung dengannya (lebih berbentuk sifat) seperti gemuk, besar, cantik, tetapi tidak termasuk di dalam gadaian segala lebihan yang berpisah daripadanya atau lebihan yang berbeza dari asalnya, seperti buahan, anak, bulu, susu, telur dan sewa rumah.<sup>14</sup>
- (d) Ulama mazhab Hanbali berpendapat bahawa termasuk di dalam gadaian segala lebihan barang gadaian dan hasilnya, sama ada berhubung dengannya atau bercerai daripadanya sama ada terjadi daripadanya atau tidak.<sup>15</sup>

## **7. Penggunaan Barang Gadaian**

### **7.1 Penggunaan Barang Gadaian Oleh Penggadai**

Secara ringkasnya para ulama berbeza pendapat mengenainya kepada dua pendapat :

Pertama : Pendapat kebanyakan ulama selain ulama mazhab Syafie iaitu penggadai tidak harus mengambil manfaat dari barang gadaian.

Kedua: Ulama mazhab Syafie berpendapat harus penggadai mengambil manfaat dengannya selama mana ia tidak memudaratkan pemegang gadaian.

Huraian pendapat-pendapat mereka adalah seperti berikut :

- (a) Ulama mazhab Hanafi berpendapat tidak harus penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian kecuali dengan keizinan pemegang gadaian. Alasan mereka ialah bahawa penahanan barang gadaian adalah hak pemegang gadaian secara berterusan. Ini menghalang penarikan balik barang gadaian oleh penggadai. Oleh itu jika penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian berbentuk hangus tanpa izin pemegang gadaian, seperti memakan buah pohon kayu yang digadai nescaya wajib ia mengganti nilainya dan dikiranya ia sebahagian daripada barang gadaian, dan jika ia mengambil manfaat dari barang gadaian berbentuk tidak hangus tanpa izin pemegang gadaian seperti mendiami rumah, maka penggadai dipaksa menyerahkannya kepada pemegang gadaian.<sup>16</sup>
- (b) Ulama mazhab Hanbali mempunyai pendapat yang sama dengan ulama mazhab Hanafi iaitu tidak harus penggadai mengambil manfaat dengan barang gadaian kecuali dengan izin pemegang gadaian, kerana barang gadaian adalah benda yang ditahan maka tidak boleh pemiliknya bermanfaat dengannya seperti barang jualan yang ditahan supaya dijelaskan harganya.

Pendapat ini adalah berdasarkan kepada bahawa kesemua manfaat dan lebihan barang gadaian termasuk di dalam gadaian.

Walau bagaimanapun penggadai tidak dihalang dari memperbaiki atau mengubati barang gadaian atau menjauhkannya dari berlaku kemusnahan jika ia diperlukan.<sup>17</sup>

- (c) Ulama mazhab Maliki mempunyai pendapat yang lebih ketat dari pendapat ulama mazhab Hanafi dan Hanbali kerana mereka berpendapat bahawa tidak harus penggadai mengambil manfaat dari barang gadaian, dan keizinan pemegang gadaian untuk mengambil manfaat dengan barang gadaian membatalkan gadaian, kerana keizinan itu memberi erti bahawa pemegang gadaian mengeneppikan haknya terhadap gadaian.<sup>18</sup>
- (d) Ulama mazhab Syafie berpendapat bahawa penggadai boleh mengguna barang gadaian jika penggunaan itu tidak membawa kepada kekurangan barang gadaian seperti mengenderai kereta, mendiami rumah, memakai barang kemas dan memuatkan muatan ke atas binatang atau kereta, kerana segala manfaat barang gadaian dan hasilnya adalah milik penggadai dan tidak berkait hutang dengannya. Mereka berpegang dengan hadis riwayat al-Daraqutni dan al-Hakim yang bermaksud :

*“Binatang yang ditunggang dan diperah susunya”*

Sekiranya penggunaan barang gadaian boleh menimbulkan kekurangan nilainya, seperti dibina bangunan di atas tanah gadaian, penggadai tidak boleh menggunakannya kecuali setelah mendapat keizinan dari pemegang gadaian kerana menghormati haknya. Walau bagaimanapun pemegang gadaian boleh menarik balik keizinannya sebelum penggadai melakukannya.

Sekiranya penggadai dapat menggunakan barang gadaian itu tanpa perlu dipulangkannya kepada penggadai seperti menjahit maka barang tersebut tidak perlu dipulangkan kepadanya, dan jika sekiranya ia tidak dapat menggunakannya tanpa dikembalikan

kepada penggadai, hendaklah dikembalikan kepadanya, dan apabila selesai penggadai mengambil manfaat dengannya hendaklah ia memulangkannya kepada pemegang gadaian.<sup>19</sup>

## 7.2 Penggunaan Barang Gadaian Oleh Pemegang Gadaian

- (a) Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa tidak harus pemegang gadaian mengambil manfaat dari barang gadaian seperti mengenderai, mendiami, memakai dan membaca barang gadaian kecuali setelah mendapat keizinan dari penggadai, kerana pemegang gadaian hanya mempunyai hak menahan barang gadaian sahaja dan tidak berhak bermanfaat dengannya. Oleh sebab itu jika dia menggunakan barang gadaian tanpa izin penggadai dan menyebabkan kerosakannya hendaklah ia membayar nilainya.

Sekiranya penggadai memberi izin kepadanya untuk menggunakan barang gadaian, para ulama mazhab Hanafi berbeza pendapat mengenainya kepada tiga pendapat :

Pertama : Harus menggunakannya semata-mata.

Kedua : Tidak harus ia dianggap riba atau menyerupai riba. Keizinan tidak menghalalkan riba dan yang menyerupainya.

Ketiga : Jika pemegang gadaian mensyaratkan mengambil manfaat dari barang gadaian di dalam akad, ia adalah haram, kerana ia riba. Jika tidak mensyaratkannya di dalam akad, ia adalah harus, kerana ia merupakan *tabarru'* dari penggadai kepada pemegang gadaian.<sup>20</sup>

- (b) Ulama mazhab Maliki berpendapat harus pemegang gadaian mengambil manfaat dengan

barang gadaian jika diizin oleh penggadai, atau pemegang gadaian mensyaratkan bahawa ia boleh mengambil manfaat dengannya, sekiranya hutang itu disebabkan jual beli atau sebagainya dan ditentukan masa bermanfaat dengan barang gadaian, kerana ia merupakan jual beli dan sewa, dan ia diharuskan.

Adapun jika hutang itu adalah dengan sebab berhutang (*Qard*), tidaklah harus pemegang gadaian bermanfaat dengan barang gadaian sama sekali, sama ada disyaratkannya atau tidak, sama ada ditentukan masa bermanfaat dengannya atau tidak, kerana ia merupakan hutang yang memberi manfaat kepada empunya hutang dan ia termasuk di dalam riba.<sup>21</sup>

- (c) Ulama mazhab Syafie berpendapat tidak harus pemegang gadaian mengguna atau bermanfaat dengan barang gadaian, kerana berpegang dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Tidak tertanggal milik barang gadaian daripada empunya yang telah menggadaikannya, ia berhak mendapat segala faedah atau hasilan barang gadaian, dan menanggung segala kemusnahan dan kekurangannya.”*

*(Riwayat al-Syafie dan al-Dar Qutni daripada Abu Hurairah)*

dan kerana memandangkan bahawa segala bentuk manfaat adalah termasuk di dalam lebihan atau hasilan barang gadaian.

Jika pemegang gadaian mensyaratkan sesuatu yang memudarat penggadai di dalam akad hutang seperti disyaratkan hasilan atau manfaat barang gadaian

adalah baginya nescaya batal syarat dan gadaian mengikut pendapat al-Azhar kerana syarat itu menyalahi kehendak akad tersebut.

Tetapi sekiranya manfaat gadaian ditentukan kadarnya dan disyaratkan gadai di dalam jual beli, bolehlah disyaratkan manfaat itu bagi pemegang gadaian, kerana ia merupakan gabungan di antara jual beli dan sewa di dalam satu akad, dan ia diharuskan seperti A berkata kepada B: “Saya jual kereta ini kepada engkau dengan harga sebanyak RM10,000 dengan syarat engkau gadaikan rumah engkau kepada saya sebagai cagarannya dan saya mendiaminya selama setahun.”

Jual beli dan sewa di dalam satu akad, dan ia diharuskan seperti A berkata kepada B : “Saya jual kereta ini kepada engkau dengan harga sebanyak RM10,000 dengan syarat engkau gadaikan rumah engkau kepada saya sebagai cagarannya dan saya mendiaminya selama setahun.”

Akad ini menunjukkan bahawa sebahagian dari kereta tersebut dikira barang jualan dan bakinya dikira sewaan sebagai balasan kepada mendiami rumah tersebut.<sup>22</sup>

- (d) Ulama mazhab Hanbali berpendapat sekiranya barang gadaian itu bukan dari jenis binatang seperti rumah, tanah dan barang kemas, tidaklah harus pemegang gadaian mengambil manfaat dari tanpa izin penggadai, kerana barang gadaian dan hasilnya adalah milik penggadai.

Jika penggadai memberi keizinan kepada pemegang gadaian bermanfaat dengan barang gadaian tanpa bayaran sedangkan gadaian disebabkan oleh memberi hutang (*Qard*), tidaklah harus pemegang gadaian bermanfaat dengannya, kerana ia merupakan hutang yang memberi manfaat kepada empunya hutang (pemegang gadaian) dan ia diharamkan.

Sekiranya hutang gadaian itu disebabkan oleh selain daripada memberi hutang seperti harga jualan bertanggung atau bayaran sewa, haruslah pemegang gadaian bermanfaat dengannya dengan keizinan penggadai, dan harus juga ia bermanfaat dengannya dengan keizinan penggadai, dan harus juga ia bermanfaat dengan barang gadaian dengan bayaran sewa setara, sama ada pada hutang atau lainnya, kerana ia hanya bermanfaat dengan sewa dan tidak dengan hutang.

Berhutang dengan perkara ini jika pemegang gadaian bermanfaat dengan barang gadaian tanpa izin penggadai, hendaklah dipotong kadar bayaran manfaat dari hutangnya. Jika barang gadaian itu dari jenis binatang, harus pemegang gadaian bermanfaat dengan menunggangnya jika ia jenis binatang ditunggang atau diperah susunya jika ia binatang yang diperah susunya tanpa izin penggadai setimpal dengan perbelanjaan binatang yang dilakukan oleh pemegang gadaian kerana berdasarkan kepada hadis dari Abu Hurairah yang bermaksud :

*“Bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Belakang binatang boleh ditunggang sekadar perbelanjaan jika ia digadai dan susunya boleh diperah jika ia digadai selaras atau sekadar perbelanjaannya, dan ke atas orang menunggang dan minum mengeluarkan perbelanjaan.”<sup>23</sup>*

*(Riwayat al-Bukhari)*

## **8. Pengendalian Barang Gadaian**

### **8.1 Pengendalian Barang Gadaian Oleh Penggadai**

- a. Sebelum diserahkan kepada pemegang gadaian penggadai boleh mengendalikan barang gadaian sebelum diserahkan kepada pemegang gadaian

tanpa izinnya, kerana barang gadaian pada masa itu belum bersangkutan hak pemegang gadaian dengannya, mengikut pendapat ulama mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali.

Manakala ulama mazhab Maliki – yang mengatakan “bahawa kuat kuasa gadaian (lazimnya) adalah dengan ijab dan qabul dan penggadai dipaksa menyerahkan barang gadaian kepada pemegang gadaian membolehkan penggadai mengendalikannya sebelum diserahkan kepada pemegang gadaian, maka sekiranya penggadai menjual barang gadaian yang disyaratkan di dalam akad jual beli hutang, jualannya itu dikira sah dan lulus, jika pemegang gadaian cuai di dalam menuntut penyerahan barang gadai sehingga penggadai menjualkannya, dan jadilah hutang itu tanpa gadaian, tetapi jika ia tidak cuai menuntut penyerahannya, para ulama mazhab Maliki berselisih kepada tiga pendapat :

Pertama : Pendapat Ibn al-Qassar, iaitu harus pemegang gadaian menolak jualan tersebut dan dikira tidak lulus jika barang gadaian itu masih ada, tetapi jika ia tidak berada di tangan penjual, jualannya itu dikira lulus dan dijadikan harganya sebagai gadaian.

Kedua : Pendapat Ibn Zaid : Jualannya lulus dan harganya dijadikan gadaian sebagai gantinya.

Ketiga : Pendapat Ibn Rusyd : Jualannya lulus dan harganya tidak dijadikan gadaian, maka jadilah hutangnya tanpa gadaian.

Sekiranya penggadai menjual barang gadaian yang mana tidak disyaratkan menggadainya di dalam akad jual beli tetapi ia dilakukan secara sukarela selepas akad, jualannya sebelum diterima oleh pemegang gadaian adalah lulus tetapi berlaku

perselisihan pendapat adakah harganya dijadikan gadaian ataupun tidak?<sup>24</sup>

- b. Setelah diserahkan barang kepada pemegang gadaian para ulama sepakat berpendapat tidak harus penggadai mengendalikan barang gadaian seperti menjual dan sebagainya kecuali dengan keizinan pemegang gadaian kerana bersangkutan haknya dengan barang gadaian. Jika ia mengendalikannya tanpa pemegang gadaian, para ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa pengendaliannya itu digantung ke atas keputusan pemegang gadaian, manakala ulama yang lain berpendapat bahawa ia adalah batal.<sup>25</sup>

## 8.2 Pengendalian Barang Gadaian Oleh Pemegang Gadaian

Pemegang gadaian tidak boleh mengendalikan barang gadaian dengan menjual dan seumpamanya tanpa izin penggadai, dan jika ia melakukannya tanpa izin penggadai, pengendaliannya itu bergantung di atas keputusan penggadai pada pendapat ulama mazhab Hanafi dan Maliki, manakala ulama mazhab Syafie dan Hanafi berpendapat tidak sah atau batal.

Penjelasan mazhab-mazhab adalah seperti berikut :

- (1) Para ulama mazhab Hanafi berpendapat tidak harus pemegang gadaian mengendalikan barang gadaian tanpa izin penggadai, kerana ia merupakan pengendalian harta yang ia tidak memilikinya. Beliau hanya berhak menahan barang gadaian sahaja. Oleh sebab itu jika ia mengendalikannya tanpa izin penggadai dengan cara menjual atau menghebah atau bersedekah atau sebagainya. Pengendaliannya itu bergantung di atas kelulusan penggadai. Jika barang gadaian mengalami

kerusakan atau kemusnahan di tangan orang yang diserahkan barang gadaian kepadanya, iaitu pembeli, penerima hibah dan sebagainya hukumnya adalah seperti berikut :

- (a) Jika pemegang gadaian menjual atau menghibah atau bersedekah atau memberi pinjam barang gadaian tanpa izin penggadai kemudian ia mengalami kerusakan di tangan orang diserahkan barang gadaian kepadanya (iaitu pembeli, penerima hibah atau sedekah dan orang yang meminjam), pihak penggadai bolehlah membuat pilihan di antara menuntut pemegang gadai menggantikannya, kerana ia melampaui batasan dan kewajiban gantian tetap di atasnya. Oleh sebab itu dari tidak boleh tuntutan ganti rugi itu terhadap sesiapaapun, atau menuntut orang yang memusnah menggantikannya, dan tidak berhak orang yang merosak menuntut ganti rugi dari pemegang gadaian kerana ia berkerja untuk dirinya, pembeli atau penerima hadiah atau sedekah menerimanya untuk diri sendiri dan di dalam tanggungjawabnya, manakala orang yang meminjam, ia menerimanya untuk diri sendiri supaya ia dapat bermanfaat dengannya secara percuma.
- (b) Jika pemegang gadaian memberi sewa atau membuat simpanan atau menggadaikan barang gadaian tanpa izin penggadai kemudian ia mengalami kerusakan atau kemusnahan, penggadai boleh membuat pilihan di antara menuntut pemegang gadaian supaya menggantikannya atau menuntut orang yang memusnahkannya itu menggantikannya, kemudian

ia bolehlah membuat tuntutan kepada pemegang gadaian, supaya membayar balik kepadanya segala ganti rugi itu, kerana ia bukan bekerja untuk diri sendiri tetapi untuk orang yang memberi sewa atau orang yang membuat simpanan atau penggadai di dalam menjaga barang tersebut untuk kepentingan mereka.<sup>26</sup>

- (2) Ulama mazhab Maliki mempunyai pendapat yang sama dengan ulama mazhab Hanafi iaitu tidak harus pemegang gadaian mengendalikan barang gadaian tanpa izin penggadai, kerana dia mengendalikan sesuatu yang dia tidak memilikinya, dan jika dia melakukannya tanpa izin penggadai dengan cara menjual atau hibah atau menyewa atau memberi pinjam, maka bergantung di atas kelulusan penggadai.

Jika dia mengendalikannya dengan keizinan penggadai, ia dikira lulus dan batal gadaianya jika kendalian itu merupakan jual beli atau hibah atau memberi sewa selama masa yang melebihi masa sampai pembayaran hutang, berlainan jika masa menyewa tamat sebelum sampai masa bayaran hutang. Gadaian dikira batal, dengan memberi pinjam barang gadaian untuk masa yang melebihi masa sampai bayaran hutang dan tidak disyaratkan memulangkan barang gadaian kepada pemegang gadaian ketika sampai masa bayaran hutang atau tidak berlaku adat dipulangkannya pada ketika itu.

Jika tamat masa memberi pinjaman sebelum sampai masa bayaran hutang atau disyaratkan memulangkannya ketika sampai masa bayaran hutang atau berlaku adat dipulangkannya ketika itu, maka tidaklah batal gadaian.<sup>27</sup>

- (3) Ulama mazhab Hanbali dan Syafie berpendapat tidak harus pemegang gadaian mengendalikan barang gadaian tanpa izin penggadai, kerana ia bukan miliknya, dan jika ia berlaku tanpa izin penggadai, pengendaliannya itu adalah batal dan tidak batal gadaian. Sebaliknya jika dia mengendalikannya dengan keizinan penggadai maka ia adalah sah dan lulus tetapi batal gadaian dan jika pengendaliannya itu berbentuk memberi milik dan tidak batal gadaian jika ia berbentuk menyewa atau memberi pinjam.<sup>28</sup>

## **9. Bahan-bahan Yang Ada Kaitan Dengan Barang Gadaian**

Jika digadai sesuatu barang maka termasuklah bahan-bahan yang ada kaitan dengannya seperti menggadai tanah termasuk tanaman yang kekal di atasnya.<sup>29</sup>

## **10. Tambahan Barang Gadaian Selepas Akad**

Barang gadaian boleh ditambah selepas akad mengikut pendapat majoriti ulama, kerana ia menambahkan keyakinan empunya hutang bahawa haknya tidak akan hilang.<sup>30</sup>

## **11. Tambahan Hutang Tanpa Tambahan Barang Gadaian**

Para ulama berbeza pendapat mengenainya dalam dua pendapat :

Pertama : Tambahan hutang tanpa tambahan barang gadaian adalah tidak harus pada pendapat Abu

Hanifah, Muhammad, ulama mazhab Hanbali dan salah satu pendapat Imam al-Syafie, kerana ia merupakan gadaian yang kedua atau menggadai barang gadaian dan ia tidak harus kerana bersangkutan hutang pertama dengannya secara sempurna.

Kedua : Harus ditambah hutang tanpa penambahan barang gadaian pada pendapat Malik, Abu Yusuf, al-Muzani dan lain-lain kerana penambahan hutang memansuhkan akad gadaian pertama dan mewujudkan akad gadaian baru dengan dua hutang sekali, dan ia adalah harus dengan persepakatan ulama.<sup>31</sup>

## **12. Berbilang Penggadai Atau Pemegang Gadaian**

Harus berbilang penggadai seperti A dan B berhutang kepada C dan kedua-duanya menggadai satu barang kepadanya sebagai cagaran hutang mereka berdua, sebagaimana harus berbilang pemegang gadaian, seperti A berhutang kepada B dan C dan menggadai satu barang kepada keduanya sebagai cagaran hutangnya.<sup>32</sup>

## **13. Pembiayaan Ke Atas Barang Gadaian**

Para ulama pada dasarnya sepakat mengatakan bahawa pembiayaan barang gadaian adalah ditanggung oleh penggadai atau empunya barang tetapi mereka berbeza pendapat mengenai jenis pembiayaan yang ditanggung oleh penggadai kepada dua pendapat.

- (1) Kebanyakan ulama termasuk mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa semua pembiayaan ke atas barang gadaian ditanggung

oleh penggadai, sama ada pembiayaan itu bertujuan untuk mengekalkan atau memelihara atau memperbaiki atau membaik pulih barang gadaian.

Sekiranya penggadai tidak mahu membiayainya, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut :

- (a) Para ulama mazhab Maliki berpendapat : Jika barang gadaian perlu kepada perbelanjaan seperti makanan binatang dan sebagainya hendaklah pemegang gadaian mengeluarkan segala perbelanjaannya, kemudian membuat tuntutan terhadap penggadai supaya ia membayar balik kepadanya segala perbelanjaan tersebut, walaupun kadar perbelanjaan itu melebihi nilai barang gadaian. Segala perbelanjaan itu dikira hutang yang ditanggung oleh penggadai dan tidak berkait dengan harta gadaian, sama ada ia mengeluarkan perbelanjaan itu dengan izin penggadai atau tidak, kerana ia melaksanakan kewajipan ke atas penggadai.
- (b) Ulama mazhab Syafie berpendapat bahawa kadi hendaklah memaksa penggadai mengeluarkan perbelanjaannya jika dia ada di situ dan mampu, dan jika tidak dapat dipaksa oleh kadi dengan sebab tidak mampu atau tidak ada di situ, kadi hendaklah membelanjakan melalui harta penggadainya jika ia mempunyai harta, dan kadi hendaklah berhutang atau menjualkan sebahagian dari barang gadaian untuk dibiayai atau menyuruh pemegang gadaian membiayainya dan ia

dikira hutang yang ditanggung oleh penggadai, kemudian pemegang gadaian boleh membuat tuntutan bayar balik segala perbelanjaan itu dari penggadai jika dia bertindak demikian dengan izin kadi atau ia mempersaksikan ketika membiayainya dan ketika tidak ada penggadai di situ bahawa dia mengeluarkan perbelanjaan itu bukan secara percuma tetapi akan menuntut bayaran balik segala perbelanjaan itu dari penggadai.

- (c) Ulama mazhab Hanbali berpendapat, jika pemegang gadaian membiayainya tanpa izin penggadai sedangkan dia mampu meminta izin darinya, dia dianggap sebagai sukarela dan tidak berhak membuat sebarang tuntutan dari penggadai mengenai segala pembiayaan itu, tetapi jika ia tidak mampu meminta izin kerana penggadai tidak ada di situ atau lainnya, kemudian ia mengeluarkan perbelanjaan tersebut, boleh ia membuat tuntutan terhadap penggadai pada kadar yang terendah di antara perbelanjaan setara dengan perbelanjaan sebenar dengan syarat ia berniat hendak membuat tuntutan perbelanjaan itu.

- (2) Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa setiap perbelanjaan yang bertujuan untuk memelihara barang gadaian hendaklah ditanggung oleh pemegang gadaian, kerana hak penahanannya adalah baginya begitu juga perkara yang mengikutnya.

Berdasarkan kepada ini wajib ke atas penggadai membiayai makanan, minuman binatang gadaian,

upah gembalanya menyiram pokok dan sebagainya. Pemegang gadaian juga wajib menanggung upah memelihara barang gadaian seperti upah pengawal dan sewa tempat simpan barang gadaian.<sup>33</sup>

#### **14. Keutamaan Pemegang Gadaian Dalam Pembayaran Hutang**

Keutamaan bayaran hutang diberi kepada pemegang gadaian apabila barang gadaian itu dijual untuk membayar hutang.<sup>34</sup>

#### **15. Barang Gadaian Diganti Dengan Yang Lain**

Barang gadaian boleh diganti dengan yang lain. Contohnya : A menggadai sebidang tanahnya kepada B sebagai cagaran hutangnya sebanyak RM5,000, kemudian ia membawa barang kemas bernilai RM8,000 kepada B dan berkata “Ambillah barang kemas ini sebagai ganti sebidang tanah tersebut”, dan B memulangkan sebidang tanah itu kepada A dan mengambil barang kemas. Pada ketika itu jadilah barang kemas tersebut sebagai gadaian mengganti sebidang tanah itu.<sup>35</sup>

#### **16. Hak Fasakh Gadai (Membatalkannya)**

Kuasa menfasakhkan gadaian hanya diberi kepada pemegang gadaian sahaja. Oleh yang demikian pihak penggadai tidak boleh menfasakhkan satu gadaian melainkan dengan mendapat keizinan dari pemegang gadaian. Walau bagaimanapun pemegang gadaian boleh

menahan barang gadaian dari diserahkan kepada penggadai selepas fasakh gadaian berkenaan sehingga hutangnya dibayar sepenuhnya oleh yang menggadai.<sup>36</sup>

### **17. Penyimpan Barang Gadaian**

- (a) Pemegang gadaian hendaklah menyimpan barang gadaian dengan sendirinya atau melalui pemegang amanah seperti keluarga dan rakan kongsinya.<sup>37</sup>
- (b) Kedua-dua belah pihak (penggadai dan pemegang gadaian) boleh melantik orang lain sebagai pemegang amanah ke atas barang gadaian.<sup>38</sup>

### **18. Hak Penahanan Barang Gadaian**

Pemegang gadaian berhak menahan barang gadaian sehingga selesai pembayaran hutang yang menjadi tanggungan gadaian tersebut dan tidak boleh menjadikan barang gadaian yang tidak ditebus pada masa yang ditentukan sebagai miliknya.<sup>39</sup>

### **19. Barang Gadaian Yang Dipinjam Dari Orang**

- (a) Tuan empunya barang yang dipinjam untuk digadai boleh bertindak supaya orang yang menggadai menyelesaikan hutangnya dengan seberapa segera dan boleh membayar hutang itu bagi pihak yang menggadai, kemudian membuat tuntutan ke atas bayaran tersebut dari penggadai.<sup>40</sup>

- (b) Tuan empunya barang yang dipinjam untuk gadaian tidak boleh menarik balik barang tersebut sebelum selesai pembayaran hutang berkenaan.
- (c) Sekiranya orang yang menggadai barang yang dipinjam itu mati dalam keadaan muflis, maka barang yang digadai itu hendaklah dikekalkan pada tangan pemegang gadaian dan tidak boleh dijual tanpa izin tuan empunya barang itu sendiri. Sekiranya tuan empunya barang ingin menjual barang gadaian itu dan menjelaskan hutang, bolehlah ia menjualkannya tanpa keizinan pemegang gadaian jika harganya mencukupi bayaran hutang dan jika harga kurang dari jumlah hutang maka hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak pemegang gadaian.<sup>41</sup>

## **20. Menggadai Barang Gadaian**

- (a) Jika penggadai menggadai barang gadaian kepada orang lain dengan izin pemegang gadaian, gadaian itu adalah sah dan gadaian pertama terbatal dengan sendirinya.<sup>42</sup>
- (b) Begitu juga jika pemegang gadaian menggadai barang gadaian kepada orang lain dengan keizinan penggadai, maka gadaian itu adalah sah dan gadaian pertama terbatal. Sebenarnya ini termasuk di dalam barang gadaian yang dipinjam.<sup>43</sup>

## **21. Kedudukan Gadaian Jika Berlaku Kematian Salah Seorang Daripada Dua Pihak**

Gadaian tidak terbubar jika berlaku kematian salah seorang daripada dua pihak (penggadai dan pemegang gadaian). Oleh yang demikian tanggungjawab gadaian berpindah kepada pewaris.<sup>44</sup>

## **22. Kerosakan Barang Gadaian**

- (1) Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa tangan pemegang gadaian adalah tangan amanah yang dipandang dari sudut barang gadaian itu sendiri dan tangan mengganti dipandang dari sudut keadaan barang gadaian itu sebagai harta setimpal dengan hutang itu. Dengan perkataan lain, kadar harga barang gadaian yang sama dengan hutang dianggap tangan pemegang gadaian adalah tangan mengganti dan yang selebihnya itu dikira tangannya sebagai tangan amanah.
- (2) Kebanyakan ulama juga berpendapat tangan pemegang gadaian tangan amanah. Oleh yang demikian dia tidak wajib mengganti kerosakan barang gadaian kecuali dengan melampaui batasan/sengaja atau cuai tidaklah wajib menggantinya dan tidak gugur sedikitpun hutangnya ke atas penggadai.

Tetapi ulama mazhab Maliki mewajibkan ganti jika barang gadaian itu terdiri dari benda yang boleh disembunyikan seperti barang kemas, kain, buku, jika barang di tangan pemegang gadaian dan tidak ada saksi dua orang atau seorang saksi serta sumpahnya ke atas alasan terbakar, dicuri atau rosak tanpa sengaja atau kecuai pemegang gadaian.

Dan jika barang gadaian itu terdiri dari benda yang tidak boleh disembunyikan seperti tanah, rumah

atau ia berada di tangan pemegang amanah atau ada saksi di atas rosak atau musnahnya tanpa cuai dan sengaja pihak pemegang gadaian maka tidaklah wajib menggantinya.<sup>45</sup>

Sekiranya berlaku kecacatan atau kemusnahan disebabkan oleh penggadai, maka wajib menggantinya, dan jika kecacatan atau kemusnahan itu disebabkan oleh pemegang gadaian maka dipotong dari hutang sekadar nilai kemerosotan harga barang tersebut, dan sekiranya kecacatan atau kemusnahan itu disebabkan oleh orang lain maka dikenakan ganti sekadar nilai barang tersebut pada hari berlaku kemusnahan atau kerosakan dan diserahkan kepada pemegang gadaian mengganti tempat barang yang musnah itu.<sup>46</sup>

### **23. Tindakan Yang Perlu Dilakukan Oleh Pemegang Gadaian Apabila Sampai Tempoh Bayaran Hutang**

- (a) Apabila sampai tempoh pembayaran hutang, pemegang gadaian hendaklah memberi notis kepada penggadai supaya ia menjelaskan hutangnya tanpa menjual barang gadaian atau ia menjualkannya untuk pembayaran hutang.
- (b) Sekiranya penggadai enggan membayar hutang melalui salah satu dari dua cara tersebut, maka mahkamah boleh mengeluarkan perintah supaya barang itu dijual dan dibayar hutang berkenaan dan baki harga barang itu dan setelah ditolak hutang, hendaklah dikembalikan kepada pihak yang menggadai.
- (c) Penggadai hendaklah mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pemegang gadaian untuk menjual barang gadaian tersebut dan harus pemegang menjual barang gadaian dengan keizinan penggadai untuk pembayaran hutang.<sup>47</sup>